

Newspaper	Sinar Harian
Date	11/07/2017

'Nak tangkap, tangkaplah'

M JEFFRI RAZALI

BANDARAYA MELAKA - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyangkal dakwaan konon kerjasamanya dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana bimbang ditangkap ekoran siasatan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) ke atas kerugian Bank Negara Malaysia.

Sambil menafikan perkara itu, Mahathir berkata, kerjasamanya itu adalah kerana kedua pihak mempunyai matlamat sama, iaitu untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, beliau tidak akan dipesongkan dari tujuan berkenaan walau apa sekalipun ugutan yang diterimanya.

"Kita berani walaupun ugutan tangkap dibuat, walaupun badan tertentu ditubuh untuk mengkaji kesalahan pemimpin dahulu, kononnya hendak tangkap orang ini.

"Kalau Najib nak tangkap saya, tangkaplah. Perjuangan kita tidak akan disiaikan hanya kerana tiada pemimpin kerana apa yang lebih penting adalah matlamat perjuangan.

"Matlamat perjuangan kita

adalah mulia iaitu untuk selamatkan rakyat daripada penindasan oleh seorang yang begitu tamak sehingga sanggup menyalahgunakan kuasa," katanya semasa Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Bersatu Melaka, kelmarin.

Turut hadir, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Bersatu Melaka, Mohd Redzuan Yusof.

"Perjuangan kita tidak akan diselewengkan hanya kerana tidak ada pemimpin penting, tetapi matlamat perjuangan lebih penting. Matlamat kita selamatkan rakyat daripada penindasan dan individu yang curi duit begitu banyak...

"Rakyat Malaysia tertekan, peluang kerja, biasiswa tidak ada atau besar terpaksa dilepaskan ataupun disamun oleh orang-orang berkenaan.

Sekarang ini siapa yang punyai wang mereka akan dikenakan cukai tambahan. Bukan sikit RM50 bilion... RM80 bilion... tidak ada sebab langsung cukai inidiadakan... hanya tujuannya adalah untuk halang orang itu bantu parti lawan seperti Bersatu," katanya.

Mahathir berkata, tindakan



Mahathir berucap di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Bersatu, kelmarin.

menyerang Bersatu berterusan dan kononnya ada poster yang ditampal mendakwa beliau hendak bagi duit pada orang miskin pada majlis rumah terbuka berkenaan.

"Saya tidak ada duit, saya bukan Najib," katanya.

Menyentuh mengenai pembentukan RCI, Mahathir berkata, isu terbabit sebenarnya telah diselidik dan dibahaskan di dalam parlimen lebih 30 tahun lalu.

Menurutnya, pada ketika itu,

semua sudah berpendapat bahawa tiada kesalahan yang dilakukan beliau sebagai perdana menteri.

"Hari ini, isu itu ditimbulkan untuk salahkan saya. Buatlah. Kalau kita salah, kita masuk dalam. Itulah sebahagian perjuangan.

"Kita berani kerana benar. Bukan seperti Najib yang sehingga kini, walaupun berhak menyaman bila dituduh mencuri, kenapa sehingga kini masih tidak dilakukannya?," katanya.

Sinar Harian - 11/7/2017 Pg. 2 Foto: FACEBOOK BERSATU MELAKA